



PHILIP MORRIS  
INTERNATIONAL



**Tatakelakuan Kita:** Mewujudkan masa depan  
yang bebas asap rokok dengan berintegriti

# Nilai DNA PMI dan Tingkah Laku Kritikal



Matlamat kita: Berikan masa depan yang bebas asap rokok

## Kita Prihatin

**Kesedaran diri:** Kenali diri sendiri, sedar tentang kesan yang kita ada pada orang lain, kita uruskan emosi dan tingkah laku kita supaya semua orang boleh berkembang maju

**Terangkum:** Berniat untuk mencari, mendengar dan belajar daripada pelbagai perspektif untuk mencapai hasil yang terbaik

**Empatetik:** Bertindak dengan berhati-hati, memahami orang lain dan peka terhadap keperluan mereka

## Kita Lebih Baik Bersama

**Kepercayaan:** Perolehi dankekalkan kepercayaan melalui tindakan, ketelusan, kejujuran dan komunikasi terbuka kita

**Bekerjasama:** Mempunyai disiplin untuk mengenepikan ego, memecahkan silo, memilih jangka panjang daripada jangka pendek dan bersatu demi matlamat bersama

**Raikan:** Mengiktiraf kejayaan tepat pada masanya (besar dan kecil), mengiktiraf dan menghargai sumbangan semua orang

## Kita adalah Pengubah Keadaan

**Sahut cabaran:** Bertindak dengan berani dan tekad untuk berinovasi dan mengganggu

**Tangkas:** Ambil inisiatif dan risiko yang difikirkan dengan teliti, bereksperimen, menyesuaikan diri dan belajar daripada kesilapan

**Memacu impak:** Bertindak dengan semangat ke arah memacu hasil, menyelesaikan sesuatu dan mencapai impak walaupun menghadapi cabaran dan kesukaran

# Kandungan

<b>Budaya dan prinsip etika kita .....</b>	<b>2</b>
Budaya dan prinsip etika kita .....	3
Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif.....	4
Perutusan daripada Ketua Pegawai Pematuhan .....	5
<b>Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita.....</b>	<b>6</b>
Mengapakah kita mempunyai Tatakelakuan? .....	7
Kepada siapakah Tatakelakuan ini terpakai? .....	7
Apakah tanggungjawab kita?.....	8
Mematuhi undang-undang dan peraturan .....	10
Membuat keputusan Cara PMI.....	11
<b>Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan.....</b>	<b>12</b>
Tampil bersuara di PMI .....	13
Toleransi sifar terhadap tindakan balas.....	14
Penyiasatan berhubung salah laku.....	14
Tindakan tatatertib.....	15
Penepian .....	15
<b>Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita .....</b>	<b>16</b>
Meraikan kepelbagaiannya, ekuiti dan keterangkuman.....	17
Menghormati hak asasi manusia .....	18
Mencegah diskriminasi, gangguan dan ugutan .....	19
Memastikan tempat kerja selamat, sihat dan terjamin.....	21
<b>Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita .....</b>	<b>24</b>
Menyediakan produk berkualiti tinggi .....	25
Memasarkan tembakau dan produk yang mengandungi nikotin kita secara bertanggungjawab .....	26
Berpandukan sains yang teguh yang boleh dipercayai oleh orang ramai.....	27
<b>Bekerjasama dengan pembekal .....</b>	<b>28</b>
Mencegah sogokan dan rasuah .....	29
Bersaing secara jujur dan adil.....	32
Mengelakkan konflik kepentingan .....	33
Membanteras pengubahan wang haram dan perdagangan haram .....	36
Menjalankan perniagaan dengan integriti.....	37
Menjalankan perniagaan dengan pihak kerajaan .....	38
<b>Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita.....</b>	<b>40</b>
Mengekalkan rekod perniagaan yang tepat.....	41
Melindungi data peribadi .....	43
Melindungi aset kewangan kita .....	44
Melindungi aset maklumat kita.....	45
Memastikan keselamatan aset fizikal dan elektronik kita.....	47
Mencegah perdagangan orang dalam .....	49
Berkomunikasi tentang dan bagi pihak PMI .....	50
<b>Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita.....</b>	<b>53</b>
Menumpukan pada kelestarian.....	54
Melindungi alam sekitar kita.....	55
Memberi kembali dalam komuniti kita .....	56
Menyertai proses politik secara bertanggungjawab .....	57
<b>Sumber .....</b>	<b>59</b>



Budaya dan prinsip  
etika kita

Bertanggungjawab  
atas Tatakelakuan  
kita

Bertanya soalan  
dan melaporkan  
kebimbangan

Melaksanakan tugas  
dengan berintegriti  
di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas  
dengan berintegriti  
di pasaran kita

Melaksanakan tugas  
dengan berintegriti  
demi pemegang  
saham kita

Melaksanakan tugas  
dengan berintegriti  
demi komuniti kita

Sumber

# Budaya dan prinsip etika kita



# Budaya dan prinsip etika kita

Tatakelakuan PMI (“Tatakelakuan”) ialah asas untuk “Cara PMI” menjalankan perniagaan. Tatakelakuan tersebut memerlukan pengarah, pegawai dan pekerja PMI menggunakan pertimbangan etika yang baik semasa menjalankan perniagaan dengan menggunakan prinsip etika kita iaitu **kejujuran, hormat** dan **kesaksamaan**. Ketiga-tiga prinsip ini juga terkandung dalam DNA PMI.



## Kejujuran

Perkara ini amat bergantung kepada kebolehpercayaan: bolehkah dan patukah orang di dalam dan di luar Syarikat mempercayai kita?

Tiada sesiapa yang mahu bekerja, mengambil nasihat atau membeli produk daripada seseorang yang menyalahgambarkan fakta.



## Hormat

Setiap orang perlu dihormati, dan begitu juga idea yang diketengahkan. Rasa hormat berkait rapat dengan maruah, penerimaan, empati dan belas kasihan. Percanggahan pendapat, cabaran, malah konflik akan memacu kemajuan positif sekiranya digandingkan dengan rasa hormat, tetapi akan membinasakan jika sebaliknya.



## Kesaksamaan

Perkara yang kelihatan adil bagi seseorang mungkin tidak dirasakan adil bagi orang lain. Berlaku adil memerlukan seseorang memikirkan tentang semua orang yang terlibat atau terkesan oleh sesuatu keputusan. Berlaku adil memerlukan seseorang mempertimbangkan semua keadaan yang dihadapi oleh setiap orang. Mengenakan peraturan yang tidak sama adalah tidak adil, begitu juga mengenepikan orang atau idea mereka berdasarkan ciri mereka yang tersendiri.

Tatakelakuan kita tidak dapat merangkumi setiap isu yang mungkin berlaku dalam kerja kita, tetapi kita mestilah menggunakan Tatakelakuan ini serta prinsip-prinsip etika kita sebagai panduan untuk membantu kita melaksanakan pertimbangan etika yang baik apabila berhadapan dengan keputusan yang sukar. Sebelum mengambil sesuatu tindakan, kita mestilah sentiasa yakin bahawa tindakan itu mematuhi Tatakelakuan kita dan sejajar dengan prinsip-prinsip etika kita. Dengan melakukan perkara ini, kita akan memastikan bahawa kita dapat mewujudkan masa depan yang bebas asap rokok *dengan berintegriti*.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kita



Rakan Sekerja yang Dihormati,

Kita di PMI disatukan oleh matlamat bersama kita iaitu mencapai transformasi perniagaan yang mengubah industri. Masa kini adalah masa yang mengujakan bagi PMI, dan saya berbangga kerana diberikan penghormatan untuk menerajui Syarikat kita menuju lebih dekat lagi ke arah mencapai visi masa depan yang bebas asap rokok.

Seperti yang anda tahu, usaha yang bercita-cita tinggi seperti ini dipenuhi dengan pelbagai cabaran. Transformasi memerlukan kita mengambil risiko, berhadapan dengan ketidakpastian dan kadangkala menerima kegagalan. Syukurlah, di PMI kita juga—malah lebih penting lagi—disatukan oleh komitmen kita terhadap pematuhan, etika, dan integriti, yang didokumenkan secara rasmi di sini, dalam Tatakelakuan kita.

Sepanjang usaha transformasi PMI dan selanjutnya, adalah penting bagi kita terus bergantung kepada prinsip-prinsip etika kita, iaitu kejujuran, rasa hormat dan kesaksamaan, apabila berhadapan dengan cabaran. Akibat jika mengkompromikan prinsip etika kita adalah teruk. Kita menghadapi risiko kehilangan kepercayaan yang telah kita perolehi dalam kalangan kita sendiri, pelanggan kita, pemegang saham kita dan komuniti kita. Oleh itu, kita mengharapkan keputusan yang luar biasa diperoleh hanya dengan pematuhan serta menjawai sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkenaan, di samping dasar dalaman dan prinsip-prinsip etika kita.

Tatakelakuan ini mencerminkan prinsip kita dan menggariskan peraturan dan garis panduan yang harus dipatuhi semua di PMI. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan mengenai Tatakelakuan ini, sila hubungi pengurus anda, rakan kongsi perniagaan P&C atau rakan kongsi Etika & Pematuhan anda.

Terima kasih atas komitmen berterusan anda terhadap pematuhan, etika dan integriti di PMI.

Yang benar,  
Jacek Olczak

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Perutusan daripada Ketua Pegawai Pematuhan

Rakan Sekerja Yang Dihormati,

Tatakelakuan kita memberi garis panduan untuk cara kita harus bertindak. Setiap daripada kita bertanggungjawab mengetahui dan mendukung prinsip-prinsip yang digariskan dalam Tatakelakuan ini.

Seperti yang anda akan lihat pada halaman seterusnya, Tatakelakuan kita disusun mengikut komitmen kita untuk mewujudkan masa depan yang bebas asap rokok *dengan berintegriti* dalam setiap aspek perniagaan berikut: di tempat kerja kita, di pasaran kita, demi pemegang saham kita, dan demi komuniti tempat kita menjalankan perniagaan. Di PMI, kita adalah sebahagian daripada pasukan etika dan pematuhan—terpulanglah kepada kita sebagai individu untuk bertindak secara beretika dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan dasar yang berkenaan.

Apabila anda melihat sesuatu yang anda rasa adalah pelanggaran sebenar—walaupun sekadar kemungkinan pelanggaran—undang-undang, peraturan, atau dasar dalaman, anda mesti tampil bersuara. Kita melakukan perkara yang betul dengan mempertahankan satu sama lain, bertindak dengan berintegriti dan mendukung Tatakelakuan kita.

Ingatlah bahawa anda tidak keseorangan. Ada banyak sumber di PMI yang bersedia membantu anda, termasuk pengurus dan [Pegawai Pematuhan Tempatan](#) anda.

Terima kasih terlebih dahulu saya ucapan kerana mematuhi Tatakelakuan kita dan membantu PMI mewujudkan masa depan yang bebas asap rokok *dengan berintegriti*.

Yang benar,  
Michael Gyr



Budaya dan prinsip etika kita

**Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita**

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

# Bertanggung-jawab atas Tatakelakuan kita



# Mengapakah kita mempunyai Tatakelakuan?

Tatakelakuan kita mentakrifkan diri kita dan cara kita menjalankan perniagaan.

Ia menyediakan hala tuju bagi pengarah, pegawai dan pekerja PMI menjalankan perniagaan secara beretika bagi pihak syarikat, anak syarikat dan anggota gabungan PMI di seluruh dunia. Dokumen ini hendaklah digunakan sebagai sumber utama untuk memberi panduan kelakuan kita dalam aktiviti perniagaan sehari-hari di PMI.

Gunakan akal dan pertimbangan yang wajar dalam menerapkan Tatakelakuan ini. Tatakelakuan kita tidak merangkumi setiap situasi yang mungkin berlaku. Sumber dan maklumat tambahan, termasuk pautan ke Dasar dalam yang berkenaan, ada dinyatakan di seluruh Tatakelakuan ini. Tiada seorang pun dalam kalangan kita yang mempunyai semua jawapan, dan ini bukan satu masalah—asalkan kita merujuk kepada orang yang betul untuk bantuan apabila kita memerlukannya.



## Kepada siapakah Tatakelakuan ini terpakai?

Tatakelakuan kita terpakai secara sama rata kepada semua pengarah, pegawai dan pekerja PMI. Dalam seluruh dokumen ini, “PMI” dan “Syarikat” merujuk pada Philip Morris International, Inc. dan anak syarikat serta ahli gabungan langsung dan tidak langsungnya. Standard etika tinggi yang sama juga terpakai pada semua individu di PMI, tanpa mengira jawatan atau tahap gred dalam Syarikat.

Rakan niaga PMI seperti kontraktor, perunding, vendor, pembekal dan pihak ketiga yang lain yang bertindak bagi pihak PMI juga diharapkan untuk menerapkan semangat yang terkandung dalam Tatakelakuan kita, serta [Prinsip Penyumberan Bertanggungjawab](#) dan peruntukan kontraktual kita yang lain, seperti yang berkenaan.

Budaya dan prinsip etika kita

**Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita**

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Apakah tanggungjawab kita?



## Tanggungjawab individu

Setiap daripada kita di PMI bertanggungjawab untuk membaca, memahami serta mematuhi dan menjalai sepenuhnya Tatakelakuan kita. Secara khusus, individu di PMI diharapkan agar:

- Mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, Tatakelakuan kita dan Dasar PMI;
- Meminta panduan daripada pengurus anda atau kenalan lain yang sesuai, seperti [Pegawai Pematuhan Tempatan anda](#), apabila anda mempunyai soalan;
- Tampil bersuara untuk melaporkan pelanggaran sebenar atau kemungkinan pelanggaran undang-undang dan peraturan yang berkenaan, Tatakelakuan kita atau Dasar PMI;
- Bekerjasama dengan penyiasatan dalaman, audit, semakan semula perakaunan, dan pertanyaan lain yang serupa; dan
- Melengkapkan semua kursus latihan Etika & Pematuhan yang ditetapkan.

Di PMI, tidak ada alasan yang boleh diterima bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan yang dikenakan, Tatakelakuan kita, atau Dasar kita, walaupun sekiranya tindakan itu bertujuan untuk mencapai matlamat dan sasaran perniagaan atau ukuran prestasi lain.

Budaya dan prinsip etika kita

**Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita**

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



## Tanggungjawab tambahan bagi pengurus

Sebagai pengurus, anda merupakan model peranan etika dan bertanggungjawab bagi mewujudkan satu budaya yang berteraskan kepercayaan dan etika dalam pasukan anda. Cara anda menunjukkan komitmen terhadap prinsip etika PMI menetapkan standard bagi tingkah laku beretika dan kepercayaan untuk dipatuhi oleh pasukan anda.

Secara khusus, pengurus di PMI diharapkan agar memenuhi tanggungjawab tambahan yang berikut:

- Menyampaikan sokongan peribadi anda terhadap prinsip etika dan matlamat kita, dan menjelaskan bahawa anda mengharapkan tindakan yang konsisten dengan perkara itu.
- Membantu pasukan anda memahami harapan PMI berhubung tingkah laku beretika dan cara untuk menerapkan undang-undang dan peraturan yang berkenaan, Tatakelakuan kita dan Dasar PMI dalam tugas sehari-hari mereka.
- Bertindak sebagai contoh kepada pasukan anda berkenaan maksud bertindak dengan berintegriti, selaras dengan prinsip etika kita serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, Tatakelakuan kita dan Dasar PMI.
- Bersikap terbuka, bersedia dan responsif terhadap keimbangan yang dikemukakan. Mengenal pasti dan mengutarakan keimbangan, dengan sewajarnya.
- Memastikan anggota pasukan anda memahami dan melengkapkan semua kursus latihan Etika & Pematuhan yang ditetapkan.

Sebagai pengurus, anggota pasukan anda dan pekerja lain mungkin membangkitkan kepada anda tentang keimbangan berkaitan pematuhan. Apabila ini berlaku, anda harus menyokong mereka dan membantu mereka mencari jawapan, tetapi jika ada yang perlu disiasat lebih lanjut, sila jangan berbuat demikian dan hubungi Pematuhan supaya kakitangan Etika & Pematuhan yang sesuai boleh menyiasat dan menangani keimbangan itu secara objektif.

Budaya dan prinsip etika kita

**Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita**

Bertanya soalan dan melaporkan keimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Mematuhi undang-undang dan peraturan



Sebagai sebuah syarikat multinasional yang beroperasi di sekitar 175 pasaran di seluruh dunia dan disenaraikan di Bursa Saham New York, banyak undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan untuk perniagaan kita, termasuk undang-undang A.S. tertentu di mana-mana sahaja kita beroperasi. Di PMI, kita komited untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Jika anda ada apa-apa soalan tentang undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan anda atau perniagaan anda atau jika anda mempunyai apa-apa kebimbangan berhubung konflik undang-undang yang mungkin berlaku, hubungi [Jabatan Pematuhan & Undang-undang](#).

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Pilih satu jawapan bagi setiap soalan di bawah.

# Membuat keputusan Cara PMI

Kita berhenti sejenak sebelum mengambil sesuatu tindakan. Keputusan kita perlu relevan untuk jangka masa yang panjang. Sebelum mengambil tindakan muktamad, tanya diri anda:



## Adakah ia sah?

Adakah perkara ini mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan?

Budaya dan prinsip etika kita

## Adakah perkara itu bermoral, beretika dan sejajar dengan Tatakelakuan, Dasar dan prinsip etika PMI?

Adakah perkara itu menepati Cara PMI menjalankan perniagaan dan Tatakelakuan kita?

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

## Adakah anda akan berasa selesa menjelaskan tindakan anda kepada ahli keluarga atau rakan, atau sekiranya butiran tindakan itu diketahui umum?

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

## Adakah perkara itu membantu PMI mencapai matlamatnya, pada masa yang sama meningkatkan budaya dan reputasi kita?

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

**Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

# Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan



# Tampil bersuara di PMI

Tampil bersuara adalah bahagian penting dalam kerja kita.

Sebagai pekerja PMI, tanggungjawab anda untuk tampil bersuara jika anda menyedari sebarang potensi atau pelanggaran sebenar yang disyaki terhadap undang-undang, Tatakelakuan kami, atau mana-mana Dasar kami. Kami mengharapkan anda untuk melaporkan perkara tersebut supaya kami boleh menanganinya. Di PMI, kami memandang serius semua laporan niat baik tentang salah laku yang diperhatikan atau disyaki, sesiapa sahaja yang terlibat, dan kami menyiasat semua dakwaan pematuhan mengikut standard dan garis panduan yang ditetapkan.

Para pekerja PMI boleh bertanya soalan, menyuarakan kebimbangan atau melaporkan kejadian salah laku yang diperhatikan atau yang disyaki, termasuk ketidakpatuhan terhadap Tatakelakuan kita dengan menghubungi mana-mana pihak berikut:

- Penyelia, ketua jabatan, atau syarikat sekutu atau kepimpinan fungsi anda;
- [Hubungan utama Jabatan Etika & Pematuhan PMI](#) anda;
- Alamat e-mel sulit Jabatan Etika & Pematuhan PMI di [PMIEthicsandCompliance@pmi.com](mailto:PMIEthicsandCompliance@pmi.com); atau



- Talian Bantuan Pematuhan PMI, yang merupakan saluran pelaporan kendalian pihak ketiga yang tersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, dalam semua bahasa yang dituturkan di PMI. Anda boleh menghubungi Talian Bantuan dalam talian di [www.compliance-speakup.pmi.com](http://www.compliance-speakup.pmi.com) atau melalui telefon di +1 303-623-0588. Anda boleh menggunakan Talian Bantuan Pematuhan PMI tanpa nama, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan. Jika anda memilih untuk membuat laporan secara tanpa nama, pengenalan diri anda tidak akan dikongsi oleh pihak ketiga dengan PMI.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



## Toleransi sifar terhadap tindakan balas

Di PMI, kami melindungi orang yang tampil bersuara dengan niat baik tentang suatu pelanggaran pematuhan yang disyaki atau mereka yang bekerjasama dengan suatu penyiasatan. Kami tidak bertolak ansur sama sekali terhadap tindakan balas.

### Apa yang perlu saya lakukan?

S

Adakah saya perlu benar-benar pasti bahawa pelanggaran sebenar terhadap Tatakelakuan kita, Dasar kita, atau undang-undang telah berlaku sebelum melaporkan kebimbangan saya kepada PMI?

J

Tidak. Kami menggalakkan anda membuat laporan jika anda mengesyaki salah laku telah berlaku. Anda tidak perlu benar-benar pasti sebelum membuat laporan, dan kami meminta supaya anda tidak menyiasat sendiri perkara itu. Malah, kami menggalakkan anda supaya tampil bersuara secepat mungkin apabila anda merasakan bahawa anda telah mengenal pasti suatu isu supaya kami boleh menyiasat, sekiranya wajar dan menangani apa-apa kemungkinan salah laku dengan segera.



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

## Penyiasatan berhubung salah laku

Di PMI, kami menggalakkan budaya terbuka yang membolehkan isu etika dan pematuhan dibincangkan secara umum, tanpa rasa bimbang akan tindakan balas. Ini membolehkan kami mengesan isu yang mungkin berlaku dari peringkat awal dan bertindak pantas untuk menanganinya.

Kita mempunyai Standard Penyiasatan yang ketat. [Pasukan Etika & Pematuhan](#) kita mengikuti standard ini untuk menyiasat laporan yang dibuat dengan niat baik dalam cara yang adil, tidak berat sebelah dan penuh hormat. Kami melindungi kerahsiaan pelapor dan menghormati hak-hak orang yang dituduh dengan berkongsi tuduhan dan penyiasatan itu berdasarkan konsep perlu tahu sahaja.



## Tindakan tatatertib

Pelanggaran terhadap undang-undang atau peraturan yang berkenaan, Tatakelakuan kita atau Dasar PMI yang lain boleh menyebabkan tindakan disiplin diambil terhadap mereka yang terlibat, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan.

## Penepian

Penepian apa-apa peruntukan dalam Tatakelakuan amat jarang berlaku dan hanya boleh diberikan oleh Ketua Pegawai Pematuhan setelah berunding dengan Penasihat Undang-undang. Penepian bagi pegawai atau pengarah eksekutif hanya boleh diberikan oleh Lembaga Pengarah.

### Apa yang perlu saya lakukan?

S  
J

Apa yang berlaku apabila saya mengemukakan laporan kepada Talian Bantuan Pematuhan PMI?

Vendor pihak ketiga kami yang bebas akan mengambil laporan anda dan menghantar butirannya kepada pasukan Etika & Pematuhan PMI. Pasukan Etika & Pematuhan akan menyemak laporan itu, dan jika ada kemungkinan pelanggaran pematuhan, mereka akan memulakan penyiasatan selaras dengan Piawaian Penyiasatan PMI.

Secara khususnya, pasukan Etika & Pematuhan:

- **Menilai laporan tersebut** untuk menentukan tindakan yang terbaik.
- **Melantik seorang penyiasat** yang berkemahiran dan bertindak secara saksama untuk menyiasat tuduhan pematuhan itu dan mengumpul bukti.
- **Mengumpul dan menganalisis maklumat** tentang tuduhan tersebut untuk menentukan kesahihannya.
- **Membuat kesimpulan** tentang sama ada tuduhan itu berasas dan mengenal pasti puncanya.
- **Bagi tuduhan yang berasas, mereka mengusulkan tindakan pembetulan**, dengan sewajarnya, untuk menangani perkara itu dan untuk mencegah masalah yang serupa berulang pada masa depan.
- **Menutup penyiasatan dan memaklumkan kepada Subjek dan pihak lain, mengikut keperluan, tentang keputusan kes tersebut.**

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

# Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita



# Meraikan kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman

Kita komited untuk membina budaya yang terangkum dan saksama yang menggambarkan kepelbagaian pemegang saham, pelanggan dan pekerja kita.



Kepelbagaian menggalakkan berbagai-bagai fikiran, idea dan pengalaman yang berbeza. Dengan komuniti PMI yang pelbagai ini, kita dapat membangun secara kreatif dan berkesan, menyelesaikan masalah dan berinovasi.

Kita boleh menyumbang dan melaksanakan kerja yang terbaik hanya apabila kita berasa selesa, selamat, terangkum, dan berupaya menjadi diri kita yang sebenar. Di PMI, kita menggalakkan budaya terangkum untuk kita menyemai perasaan tergolong, memahami situasi peribadi, menghargai perbezaan, dan melayan setiap orang dengan adil, bermaruah dan rasa hormat.



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Menghormati hak asasi manusia

Kita mempertahankan dan melindungi hak asasi manusia.



Sebagai sebuah syarikat multinasional, kita menghormati hak asasi manusia di seluruh rantaian nilai kita dan mematuhi Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Di PMI, kita melarang penggunaan buruh kanak-kanak, buruh paksa atau buruh dagangan haram, serta apa-apa bentuk penghambaan.

Kami telah memformalkan komitmen ini dalam [Komitmen PMI terhadap Hak Asasi Manusia](#).

Selain itu, [Prinsip Penyumberan Bertanggungjawab](#) dan [Tataamalan Buruh Pertanian](#) kita menggariskan harapan kita terhadap pembekal berhubung perihal penghormatan hak asasi manusia, termasuk hak-hak buruh, bagi pekerja dalam rantaian bekalan kita yang luas dan pelbagai.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Mencegah diskriminasi, gangguan dan ugutan

Kita mewujudkan tempat kerja yang mengamalkan keadilan, saling hormat-menghormati, dan bebas daripada diskriminasi, gangguan dan ugutan.



Melayan semua orang dengan rasa hormat ialah prinsip etika yang membimbing dan menyatukan kita semua. PMI komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada diskriminasi, gangguan dan ugutan.

***Kami mlarang layanan yang tidak adil atau tidak sama rata kepada sesiapa sahaja*** berdasarkan ciri seperti kaum, etnik, umur, orientasi seksual, kepercayaan agama, negara asal, keturunan, warna kulit, cuti khas penjagaan keluarga atau perubatan, identiti atau ekspresi jantina, maklumat genetik, status perkahwinan atau keluarga, keadaan kesihatan, ketidakupayaan fizikal atau mental, hubungan politik, status veteran yang dilindungi, jantina (termasuk kehamilan), atau apa-apa ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Gangguan, termasuk gangguan seksual atau fizikal, tidak diterima di PMI.

Standard-standard ini serta larangan yang berkaitan terpakai dalam semua keadaan berkaitan kerja, termasuk pejabat, lokasi kerja luar pejabat, mesyuarat lokasi luaran, lawatan kerja dan acara sosial pasukan. Untuk maklumat lanjut, lihat [Dasar tanpa Diskriminasi dan Antigangguan Global PMI](#).

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



## Sentiasa ingat

Gangguan wujud dalam pelbagai bentuk. PMI melarang semua bentuk gangguan, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

**Tindakan secara lisan**, seperti nama panggilan; jenaka atau komen yang menghina; penghinaan; kenyataan yang tidak diingini tentang susuk badan, warna, ciri fizikal atau rupa seseorang individu; atau cubaan gangguan seksual yang tidak diingini, jemputan atau ulasan;

**Tindakan visual atau bertulis**, seperti mesej teks, mesej segera, e-mel, tweet dan siaran internet yang menghina dan/atau berorientasikan seksual; poster, gambar, kartun, lukisan, simbol atau gerak isyarat yang menyinggung perasaan; atau tindakan mengancam, menakut-nakutkan atau bermusuhan yang berkaitan dengan mana-mana ciri yang dilindungi; atau

**Kelakuan fizikal**, seperti menyerang, memandang ke arah badan seseorang dengan niat jahat, tingkah laku fizikal yang tidak diingini atau menghalang atau menyekat pergerakan biasa.

## Apa yang perlu saya lakukan?

**S**Anggota pasukan saya mesra antara satu sama lain dan suka bergurau. Sejak kebelakangan ini, hal ini telah menjadi tidak terkawal dan menyinggung perasaan apabila ada yang membuat gurauan seksual. Apa yang perlu saya lakukan? Saya tidak mahu mencari masalah.

**J** membuat gurauan bersifat seksual atau seksual tidak boleh diterima. Anda perlu menyuarakan keimbangan ini kepada penyelia anda, rakan perniagaan P&C anda atau pasukan Etika & Pematuhan.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

# Memastikan tempat kerja selamat, sihat dan terjamin

Kita menjadikan keselamatan, kesihatan dan jaminan keselamatan sebagai keutamaan di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa.



PMI komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat, sihat dan terjamin bagi pekerja kita, kontraktor, pelawat dan orang lain yang berinteraksi dengan kita dalam menjalankan urusan perniagaan. Kita mengutamakan kesihatan, keselamatan dan jaminan keselamatan berbanding objektif perniagaan, dan mengambil langkah untuk menghapuskan atau mengelakkan keadaan yang tidak selamat serta melindungi operasi, harta benda, aset dan reputasi kita.

Kita memupuk budaya tempat kerja yang menggalakkan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial pekerja kita.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

## Sentiasa ingat



**Utamakan keselamatan.** Lindungi satu sama lain daripada kecederaan dengan mengikuti semua Dasar keselamatan Syarikat, undang-undang dan peraturan.



**Ketahui dan ikuti prosedur respons kecemasan.** Penting untuk kita tahu apa yang perlu dibuat apabila berlaku kecemasan seperti kebakaran, bencana alam atau insiden keselamatan dan mengikuti prosedur tersebut dengan tenang dan teratur.



**Laporkan risiko, bahaya, kecederaan dan tingkah laku yang tidak selamat.** Sentiasa laporkan kecederaan, kemalangan yang hampir-hampir berlaku, keadaan yang berkemungkinan menjadi tidak selamat, serta risiko kesihatan atau keselamatan, termasuk bahaya alam sekitar dan ancaman atau tindakan keganasan, kepada penyelia anda atau kepada [pasukan Keselamatan & Pasaran PMI](#).



**Jangan sekali-kali menyalahgunakan alkohol, dadah atau bahan lain di tempat kerja.** Tingkah laku seperti ini dilarang di PMI. Selain itu, penggunaan, penjualan atau pemilikan dadah haram juga dilarang di PMI.



**Jangan sekali-kali membawa senjata ke tempat kerja.** Kecuali dibenarkan secara khusus oleh Syarikat (cth., kakitangan keselamatan), membawa senjata ke tempat kerja atau membawanya semasa menjalankan urusan PMI adalah dilarang.



## Apa yang perlu saya lakukan?

# S

Saya bekerja dalam satu pasukan dan salah seorang rakan sekerja saya baru-baru ini datang ke tempat kerja semasa berada di bawah pengaruh alkohol. Saya bimbang dia akan terlibat dalam kemalangan dan cedera—atau malah mencederakan orang lain. Apa yang perlu saya lakukan?

# J

Keselamatan ada dalam setiap aspek yang kita lakukan. Anda perlu menyuarakan perkara ini serta-merta kepada penyelia anda yang akan memastikan bahawa rakan sekerja anda itu tidak meletakkan dirinya atau diri orang lain dalam bahaya.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Cara kita melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita:



## Menyesuaikan keperluan individu

Kita berusaha untuk membuat semua pekerja rasa terangkum. Kita membuat langkah penyesuaian yang adil dan wajar untuk diselaraskan dengan keperluan dan gaya individu.



## Menghormati perwakilan pekerja

Kita menghormati hak pekerja untuk menyertai, atau tidak menyertai, kesatuan sekerja dan organisasi perwakilan pekerja pilihan mereka sendiri, dan kita memperakui hak terhadap perundingan kolektif. Kita menggalakkan penglibatan, dialog dan kerjasama yang berkesan berhubung hal-hal kebimbangan bersama dengan para pekerja kita, dan sekiranya berkenaan, dengan wakil mereka yang dilantik dengan betul.



## Mendukung komitmen kita terhadap hak asasi manusia

Kita menghormati hak-hak individu yang hak asasinya mungkin terjejas oleh kita, termasuk pekerja dalam rantai bekalan kita. Kita melarang penggunaan buruh kanak-kanak, buruh paksa atau buruh dagangan haram, dan apa-apa bentuk penghambaan.



## Jangan sekali-kali terlibat atau bertolak ansur dengan diskriminasi, gangguan atau ugutan

Kita menghormati dan bertimbang rasa terhadap orang lain dengan kata-kata dan tindakan kita. Kita melayan setiap orang sama rata, membuat keputusan berkaitan pekerjaan berdasarkan merit dan tidak menunjukkan keutamaan berdasarkan ciri-ciri individu yang dilindungi. Kita tidak terlibat atau bertolak ansur dengan kelakuan yang menyenggung, merendahkan, atau mendera orang lain.



## Menyediakan keadaan kerja yang selamat, sihat dan terjamin

Kita memastikan bahawa pekerja, kontraktor, pelawat dan orang lain yang berinteraksi dengan kita dalam menjalankan urusan perniagaan bekerja dalam persekitaran yang selamat, sihat dan terjamin. Kita memupuk budaya tempat kerja yang menggalakkan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial.



## Tampil bersuara

Apabila kita nampak perkara yang salah—walaupun berkemungkinan salah—kita [tampil bersuara](#) dan bertindak.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

# Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita



# Menyediakan produk berkualiti tinggi

Kita komited untuk menyediakan produk berkualiti tinggi.



Kita berusaha mencapai kecemerlangan dalam kualiti. Semua produk PMI direka bentuk, dikilangkan, diselenggara dan dikomersialkan selaras dengan peraturan luar, standard dalam dan fokus yang berterusan bagi memenuhi jangkaan pelanggan.

PMI melabur dalam sains, keupayaan teknikal dan kawalan yang teguh untuk melaksanakan penyelidikan, pengujian, pengeluaran, kawalan kualiti dan pengawasan bagi memastikan setiap bahagian dalam proses pengeluaran mencapai sasarannya dan memuaskan pelanggan kita.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Memasarkan produk yang mengandungi tembakau dan nikotin dengan bertanggung-jawab

Kita memasarkan dan menjual produk boleh bakar dan produk bebas asap rokok dengan cara yang bertanggungjawab, dan hanya kepada pengguna dewasa.



Kejujuran adalah teras cara kita menjalankan perniagaan. Kita tulus dan bertanggungjawab dalam aktiviti pemasaran kita dan telus tentang profil risiko produk kita. Kita memberitahu pengguna tentang kesan kesihatan produk tembakau dan nikotin kita, termasuk, jika dibenarkan oleh undang-undang, potensi manfaat bertukar kepada produk bebas asap rokok kita. Semua iklan dan pembungkusan barang guna habis mestilah disertakan dengan amaran kesihatan untuk pelanggan, walaupun undang-undang tidak mewajibkannya.

Pemasaran produk tembakau dan nikotin kita ditujukan kepada pengguna dewasa. Kita tidak menggalakkan golongan bukan berokok untuk mula merokok atau menggunakan produk kita. Kita dengan jelas menyatakan bahawa berhenti merokok dan menggunakan nikotin adalah pilihan terbaik. Kita juga tidak menghasilkan produk atau memasarkannya dengan cara yang mungkin menarik minat golongan bawah umur.

Untuk maklumat lanjut, rujuk Dasar Global PMI tentang [Rekaan, Pemasaran & Penjualan Produk Tembakau Dibakar](#) dan [Rekaan, Pemasaran & Penjualan Produk Bebas Asap Rokok](#).

## Sentiasa ingat

Amalan pemasaran PMI seluruh dunia mengikuti empat prinsip asas:

- 1** **Kita memasarkan dan menjual produk kita kepada Pengguna Dewasa.**
- 2** **Kita memberikan amaran kepada pengguna mengenai kesan produk kita terhadap kesihatan.**
- 3** **Pemasaran kita adalah jujur dan tepat.**
- 4** **Kita menghormati undang-undang.**

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Berpandukan sains yang teguh dan boleh dipercayai oleh orang ramai

Kita menjalankan kerja-kerja saintifik kita secara objektif, teguh dan telus.



Kebolehpercayaan kajian sains kita amat penting kepada kejayaan kita. Kita membuat keputusan berdasarkan penyelidikan saintifik yang dijalankan dengan berintegriti, telus dan tepat. Kita mematuhi amalan terbaik yang diguna pakai dalam kaedah saintifik, kawalan kualiti dan semakan dalaman kita bagi memastikan data kita tepat, komprehensif dan boleh diyakini. Kita menerbitkan hasil penyelidikan kita dan menggalakkan penyelidikan bebas serta pengesahan terhadap kaedah dan hasil kajian kita.

## Sentiasa ingat



Di PMI, kita menggalakkan para saintis kita supaya bertindak secara bebas dan menyuarakan pendapat. Kita tidak menggunakan kaedah pintas dalam kerja-kerja saintifik kita.



Kita mengikuti proses semakan yang ketat sebelum menerbitkan hasil saintifik dalam jurnal kajian semula rakan setara.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Bekerjasama dengan pembekal

Kita bekerja dengan pembekal yang mempunyai komitmen yang sama terhadap pematuhan dan integriti.



Kita mengharapkan semua pembekal kita berpegang teguh kepada semangat yang terkandung dalam Tatakelakuan kita dan mematuhi [Prinsip Penyumberan Bertanggungjawab](#) dan peruntukan kontrak serta keperluan dan panduan khusus industri yang lain yang kita keluarkan, sekiranya berkenaan, seperti [Amalan Pertanian Baik \(GAP\)](#) dan [Tataamalan Buruh Pertanian \(ALP\)](#) kita.

## Sentiasa ingat

[Prinsip Penyumberan Bertanggungjawab](#), ialah asas kerjasama kita dengan Pembekal dan Rakan Kongsi rantai nilai kita. Ia menggariskan keperluan untuk memastikan bekalan mampan jangka panjang, melindungi alam sekitar dan meningkatkan mata pencarian dalam rantai nilai kita.

Prinsip Penyumberan Bertanggungjawab sejajar dengan Tatakelakuan kita dan menetapkan kriteria minimum yang mesti dipatuhi oleh Pembekal untuk bekerjasama dengan PMI.

Kita semua bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi Prinsip Penyumberan Bertanggungjawab untuk memastikan PMI dapat mengenal pasti dan menjangka risiko berkaitan Pembekal.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

# Mencegah sogokan dan rasuah

Kita tidak menyogok sesiapa, tidak kira di mana, atas apa-apa sebab sekalipun.



PMI melarang sogokan dan rasuah. Kita mesti tidak sekali-kali mencuba untuk mempengaruhi secara tidak wajar atau menjelaskan keobjektifan profesional Pegawai Kerajaan, Individu Persendirian atau mana-mana pihak ketiga lain yang berurusan dengan kita. Kita sentiasa menggunakan pertimbangan yang sewajarnya dan kesederhanaan apabila memberi atau menerima apa-apa yang bernilai.

Semua pekerja, pengarah, pegawai, pembekal dan ejen PMI atau pihak ketiga lain yang bertindak bagi pihak kita, tidak kira di mana mereka berada, mestilah mematuhi undang-undang antirasuah yang berkaitan, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing A.S.

Kita menyimpan buku dan rekod transaksi perniagaan yang tepat, menurut undang-undang dan peraturan yang berkenaan, termasuk apa-apa yang bernilai yang diberikan kepada Pegawai Kerajaan.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Dasar Antirasuah Global PMI](#).

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

## Boleh dan Tidak Boleh berkenaan Antirasuah

### BOLEH:

- ✓ Mendedahkan dan memperoleh semua kelulusan awal yang diperlukan bagi Hadiah, Perjalanan dan Hospitaliti.
- ✓ Menjalankan usaha wajar yang menyeluruh terhadap pihak ketiga yang akan berinteraksi dengan Pegawai Kerajaan bagi pihak PMI.
- ✓ Merekodkan semua bayaran dan perbelanjaan dengan tepat dalam buku dan rekod kita.

### TIDAK BOLEH:

- 🚫 Jangan beri apa-apa yang bernilai yang boleh mempengaruhi secara tidak wajar atau menjaskannya keobjektifan profesional keputusan perniagaan dengan pihak ketiga, terutamanya Pegawai Kerajaan.
- 🚫 Jangan sekali-kali memberikan wang tunai atau setara dengan wang tunai.
- 🚫 Jangan buat bayaran pemudahan, walaupun jika akan ada kesan negatif kepada perniagaan.
- 🚫 Jangan sekali-kali menggunakan pihak ketiga untuk membuat bayaran yang tidak wajar atau mengambil tindakan yang menyalahi undang-undang.



### Sentiasa ingat



Di PMI, kita memperolehi perniagaan berdasarkan kualiti produk serta bakat warga kerja kita. Kita tidak sewenang-wenangnya terlibat dalam apa-apa bentuk sogokan dan rasuah, walaupun sekiranya perkara ini menyebabkan kita kehilangan peluang perniagaan atau terlepas tarikh akhir.

### Apa yang perlu saya lakukan?

S

Saya hendak menghantar usul kepada sebuah agensi kerajaan. Rakan saya mencadangkan bahawa jika saya mengundang pegawai kerajaan yang akan memberi kata putus bagi perkara itu, ke makan malam di restoran mewah, perkara ini akan membantu saya mendapat hasil yang positif. Adakah ini tindakan yang betul?

J

Tidak. Ini ialah sogokan. Walaupun wajar bagi anda bertemu dengan pegawai kerajaan untuk membincangkan pandangan anda, namun perbuatan memberikan apa-apa yang mewah untuk mempengaruhi mereka adalah salah. Kita mempengaruhi orang lain berdasarkan kekuatan hujah kita, bukan berdasarkan kemewahan hospitaliti kita. Sebarang hospitaliti yang dirancang dengan pegawai kerajaan mestilah memenuhi keperluan Dasar Antirasuah Global PMI dan Standard serta proses yang berkaitan.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Bersaing secara jujur dan adil

Kita berkembang maju dalam pasaran yang adil dan berdaya saing.



PMI bersaing dengan bersungguh-sungguh berdasarkan kualiti produk, pandangan pelanggan, inovasi dan harga. Kita tidak sekali-kali bersubahat dengan pesaing untuk menetapkan harga, membahagikan pasaran, memboikot pembekal atau mengubah pasaran dengan cara yang tidak adil.

Kita tidak berbincang tentang harga, pelancaran jenama, program perdagangan atau topik sensitif persaingan lain dengan pesaing. Jika pesaing cuba membincangkan topik persaingan, kita menghentikan perbualan, menjelaskan kepada orang sekeliling kita bahawa kita tidak mahu menyertai apa-apa perjanjian antipersaingan.

Kita hanya mengumpul dan menggunakan maklumat tentang pesaing kita dengan cara yang sah dan beretika.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Dasar Persaingan Global PMI](#).

## Sentiasa ingat

Interaksi dengan pesaing boleh mewujudkan risiko undang-undang. Jika anda sedang menyertai perbualan atau mesyuarat yang dihadiri oleh pesaing dan seseorang mula bercakap tentang penetapan harga atau Maklumat Sensitif Persaingan yang lain, anda mesti:



Hentikan perbincangan tentang topik ini. Anda boleh berkata, sebagai contoh, "Berhenti. Topik ini tidak sesuai untuk kita bincangkan."



Tinggalkan perbualan atau mesyuarat itu jika perbincangan tentang topik ini masih berterusan. Minta supaya tindakan anda keluar ini direkodkan dalam minit mesyuarat, atau sebaliknya pastikan tindakan anda itu disedari oleh orang lain. (Tindakan sebegini mungkin janggal, tetapi kehadiran anda dalam perbincangan tentang aktiviti persaingan, walaupun anda tidak bersuara, boleh menjurus kepada liabiliti di bawah undang-undang persaingan bagi individu dan syarikat.)



Laporkan segera insiden tersebut kepada Jabatan Undang-undang.

Melakukan sesuatu dengan cara yang betul bermaksud anda perlu meminta bantuan. Peraturan persaingan dan antitrust adalah rumit dan boleh jadi bertentangan dengan intuisi. Jabatan Undang-undang memahami perkara apa yang wajar dan boleh menawarkan panduan.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Mengelakkan konflik kepentingan

Kita membuat keputusan yang adil dan objektif dan mengelakkan konflik kepentingan.



Keputusan kita berkaitan dengan kerja dan cara kita melaksanakan kerja mestilah sentiasa berdasarkan perkara yang terbaik untuk PMI, bukan untuk kita sendiri.

Konflik Kepentingan adalah situasi yang menyebabkan keobjektifan anda dalam melaksanakan tugas akan—atau boleh—terjejas oleh sesuatu yang bermanfaat bagi diri anda, sama ada dari segi kewangan, emosi atau dalam cara lain. Sekiranya individu yang munasabah menganggap situasi tersebut sebagai menjadikan keobjektifan anda, ini bermaksud anda mempunyai Konflik Kepentingan.

Di PMI, kita mengelakkan semua Konflik Kepentingan, dan sekiranya tidak boleh elakkan, kita menguruskannya. Pekerja yang ada Konflik Kepentingan sebenar, berpotensi atau ditanggap dikehendaki untuk mendedahkannya dan tidak dibenarkan terus terlibat dalam perlakuan atau transaksi itu sehingga mereka menerima kelulusan daripada pengurus mereka serta Etika & Pematuhan.

Konflik Kepentingan yang berpotensi memerlukan pendedahan dan kelulusan awal termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perkara yang berikut:

- Hubungan peribadi dengan pekerja PMI yang lain,
- Hubungan peribadi dengan pembekal,
- Saudara sebagai pelanggan,
- Pelaburan kewangan dalam pembekal,
- Pekerjaan bergaji atau tidak bergaji di luar PMI,
- Keahlian lembaga di luar PMI, dan
- Urusan peribadi dengan pembekal PMI.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

Selepas menerima pendedahan anda, pihak Etika & Pematuhan akan berunding dengan anda dan penyelia anda, mana-mana yang wajar, dan mungkin menyarankan langkah-langkah untuk mengurangkan Konflik Kepentingan. Anda kemudian bertanggungjawab untuk melaksanakan langkah tersebut, dan mengemas kini pendedahan anda dengan segera jika terdapat apa-apa perubahan besar dalam keadaan yang menjadi asas kepada kelulusan itu.

Jika pihak Etika & Pematuhan menentukan bahawa Konflik Kepentingan tidak boleh dikurangkan, anda tidak dibenarkan terlibat, atau terus terlibat, dalam perlakuan atau transaksi itu.

Percubaan untuk menangani Konflik Kepentingan anda sendiri, berbanding mendedahkannya, boleh membawa kepada situasi yang menjelaskan keobjektifan anda. Mendedahkan Konflik Kepentingan dan mengikuti panduan daripada pihak Etika & Pematuhan akan melindungi anda. Untuk maklumat lanjut tentang Konflik Kepentingan, lihat [Dasar Konflik Kepentingan Global PMI](#).



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



### Cara untuk mendedahkan Konflik Kepentingan yang sebenar atau berpotensi

Proses untuk mendedahkan Konflik Kepentingan adalah mudah, sulit dan adil. Anda boleh menggunakan [sistem pendedahan](#) atau hubungi [pihak Etika & Pematuhan](#) secara langsung untuk mendedahkan konflik. Walau bagaimanapun, penting untuk anda ingat bahawa anda tidak dibenarkan untuk terus terlibat dalam perlakuan atau transaksi itu sehingga anda menerima kelulusan daripada pihak Etika & Pematuhan.

#### Apa yang perlu saya lakukan?

**S** Anak lelaki saya memiliki sebuah syarikat pencetakan dan mahu menjadi pembekal kepada PMI. Saya sedang menjalankan satu projek yang memerlukan kami mencetak maklumat untuk kempen komunikasi. Bolehkah saya memberikan tugas itu kepadanya?

**J** Jika anda mempunyai hubungan dengan pembekal PMI atau syarikat yang berkemungkinan menjadi pembekal PMI, anda tidak boleh sama sekali terlibat dalam proses meluluskan, menguruskan atau mempengaruhi hubungan PMI dengan syarikat tersebut. Anda juga perlu mendedahkan Konflik Kepentingan yang mungkin wujud ini sekiranya syarikat anak anda dipilih sebagai pembekal kepada PMI pada masa depan.



# Memerangi pengubahan wang haram dan perdagangan haram

Kita membantu mencegah penjualan haram produk kita dan penyalahgunaan sumber kita.



PMI tidak membenarkan, membiarkan berlaku, memudahkan atau menyokong kontraban, pengubahan wang haram ataupun pengelakan cukai.

Kita komited untuk hanya menjalankan perniagaan dengan orang dan entiti yang bertanggungjawab dan sah, yang mematuhi undang-undang fiskal, kastam dan dagangan, menjual produk kita hanya dalam pasaran atau destinasi yang dimaksudkan dan berkongsi komitmen kita untuk mencegah penyelewengan produk PMI.

Kita bekerjasama dengan kerajaan untuk menghentikan penjualan haram produk kita dan untuk terus menambah baik pengawalan rantai bekalan kita, seperti langkah-langkah penjejakan dan pengesanan produk. Kita bekerjasama dengan pengeluar pihak ketiga, pembekal logistik, pengedar, peruncit dan pengguna untuk melaksanakan kawalan tersebut. Lihat [Dasar Kenali Pelanggan Anda dan Antipenyelewengan Global PMI](#) untuk maklumat lanjut.

PMI tidak bertolak ansur, memudahkan atau menyokong pengubahan wang haram, pengelakan cukai, atau aktiviti haram lain yang melibatkan penggunaan produk atau aset Syarikat kita. Kita sudah ada amalan untuk mengesan dan mencegah aktiviti haram, seperti tidak menggalakkan penggunaan bayaran tunai untuk mengelakkan risiko menerima wang secara tidak sengaja yang mungkin hasil daripada aktiviti haram, dan menghendaki supaya transaksi kewangan dijalankan dengan individu atau entiti berkontrak, selaras dengan aturan bayaran yang dipersetujui. Untuk maklumat lanjut, rujuk [Dasar Global Pengendalian Pembayaran PMI](#).

## Sentiasa ingat

Pengubahan Wang Haram ialah sebarang transaksi kewangan di mana penjenayah, termasuk organisasi pengganas, cuba menyamarkan hasil, sumber atau sifat aktiviti haram. Pengubahan wang haram memudahkan pelbagai kesalahan atas jenayah yang serius dan akhirnya mengancam integriti sistem kewangan.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Menjalankan perniagaan dengan integriti

Kita berkembang maju di peringkat global dengan meneraju dengan berintegriti dan mematuhi undang-undang perdagangan antarabangsa.



Sebagai sebuah syarikat multinasional, kita mengikuti undang-undang dan peraturan perdagangan antarabangsa yang berkenaan, termasuk sekatan dagangan dan ekonomi yang ditadbir oleh Pejabat Jabatan Perbendaharaan dan Kawalan Aset Asing A.S. dan Jabatan Negara A.S.

Program sekatan menyekat perdagangan dan transaksi dengan sesetengah negara, wilayah, entiti, kapal dan individu. Sekatan ini boleh termasuk embargo dagangan, sekatan perjalanan, atau pembekuan aset atau pemindahan. Kita melindungi Syarikat kita dan komuniti global dengan mematuhi peraturan ini, dan dengan menjalankan pemeriksaan sekatan serta usaha wajar yang lain sebelum berurusan dengan pembekal atau pelanggan.

PMI tidak turut serta dalam boikot asing yang tidak sah. Para pekerja tidak boleh mengambil apa-apa tindakan yang melibatkan penyertaan dalam boikot asing yang tidak diluluskan oleh kerajaan A.S.

Untuk maklumat lanjut, rujuk [Dasar Global Sekatan dan Pematuhan Perdagangan PMI](#), [Dasar Global Pengendalian Pembayaran PMI](#), serta [Dasar Global Antirasuah PMI](#).

## Sentiasa ingat



Sebagai sebuah syarikat multinasional, entiti dan pekerja PMI mungkin dikehendaki mematuhi undang-undang dan peraturan sekatan A.S., serta undang-undang dalam mana-mana bidang kuasa lain yang berkenaan.

Undang-undang perdagangan antarabangsa mungkin dikuatkuasakan untuk maklumat, teknologi dan harta intelek serta barang fizikal.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Menjalankan perniagaan dengan pihak kerajaan

Kita menghargai peluang untuk bekerja dengan kerajaan dan tanggungjawab yang terlibat.



Menjalankan perniagaan dengan kerajaan tempatan dan persekutuan di mana-mana sahaja di dunia melibatkan tanggungjawab yang khusus. Kita mengekalkan kepercayaan dan rasa hormat orang ramai dengan bersungguh-sungguh mematuhi tanggungjawab ini dan peraturan lain yang berkenaan.

Di PMI, pengambilan pekerja, pengekalan atau pengikatan kontrak dengan Instrumen Kerajaan (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, agensi kerajaan, entiti yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan, dan organisasi awam antarabangsa) atau Pegawai Kerajaan boleh memberikan maklumat dan peluang yang unik kepada kita. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh menyebabkan peningkatan risiko rasuah. Untuk mengelakkan ini, kami hanya sekali-kali mengambil bekerja, mengekalkan atau membuat kontrak dengan Keperantaraan Kerajaan atau Pegawai Kerajaan untuk keperluan perniagaan yang sah, pada nilai pasaran yang saksama, secara telus dan berdasarkan kelayakan yang didokumenkan.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



## Cara kita melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita:



### **Gunakan kaedah saintifik yang objektif dan diperakui di peringkat antarabangsa dan mengikuti peraturan luar yang berkenaan serta standard dalaman**

Kita mengikuti pengawalan kualiti yang ketat untuk memastikan data saintifik kita tepat. Kita jujur dan telus, dan menyasarkan untuk terus belajar dan menambah baik cara kita bekerja. Kita membangunkan produk menggunakan prinsip-prinsip Amalan Makmal Baik dan Amalan Klinikal Baik, dan kita meneraju dalam membangunkan kaedah-kaedah baharu jika tiada yang seumpamanya wujud.



### **Memasarkan produk kita dengan bertanggungjawab**

Kita sentiasa jujur dan hanya menggunakan maklumat produk dan dakwaan yang berasaskan fakta dan disokong oleh bukti sah. Kita secara sukarela mengikut amalan pemasaran yang bertanggungjawab, selalunya melebihi apa yang diperlukan oleh undang-undang.



### **Bekerjasama dengan pembekal dan pelanggan yang komited kepada integriti**

Kita mengharapkan pembekal kita mematuhi [Prinsip Penyumberan Bertanggungjawab](#) dan keperluan khusus industri seperti Amalan Pertanian Baik dan Amalan Buruh Pertanian. Kita mengikuti [Dasar Sekatan dan Pematuhan Perdagangan](#) kita untuk memastikan kita mematuhi program sekatan yang berkenaan. Kita menjalankan usaha wajar secara berkala terhadap pembekal untuk memastikan mereka sedar akan sebarang tanda-tanda amaran.



### **Jangan sekali-kali mempengaruhi perniagaan secara tidak wajar**

Kita tidak memberikan, menawarkan, meminta, menerima, berjanji, membayar, atau meluluskan apa-apa yang bernilai yang boleh mempengaruhi secara tidak wajar atau menjelaskan keobjektifan profesional keputusan perniagaan dengan Pegawai Kerajaan, Individu Persendirian serta semua pihak ketiga yang lain. Kita teliti dan berhati-hati apabila berinteraksi dengan Pegawai Kerajaan.



### **Sentiasa dedahkan Konflik Kepentingan yang berkemungkinan**

Kita mendedahkan Konflik Kepentingan yang berkemungkinan wujud kepada [Jabatan Pematuhan & Etika](#). Kita kekal berwaspada terhadap situasi yang boleh menjurus kepada Konflik Kepentingan, dan terhadap hubungan atau aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi pertimbangan kita.



### **Mencegah kontraban**

Kita memantau volum jualan pelanggan untuk mengenal pasti aktiviti haram. Kita mengambil tindakan jika kita mengesyaki penyelewengan terhadap produk kita.



### **Laporkan permintaan boikot**

Kita melaporkan apa-apa permintaan untuk menyertai boikot kepada [Jabatan Undang-undang](#).



### **Tampil bersuara**

Apabila kita nampak perkara yang salah—walaupun berkemungkinan salah—kita [tampil bersuara](#) dan bertindak.



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita


Sumber

# Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita



# Mengekalkan rekod perniagaan yang tepat

Kita melindungi dan menguruskan Maklumat Syarikat dengan bertanggungjawab.



Semua pekerja bertanggungjawab melindungi Maklumat Syarikat dalam pasaran dan fungsi mereka. Maklumat Syarikat merupakan aset—kita mesti menguruskan dan melindunginya untuk kepentingan PMI.

Menyimpan rekod yang tepat dan boleh diyakini adalah penting bagi mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadap perniagaan kita. Rekod Syarikat ialah maklumat yang mesti disimpan untuk tempoh masa tertentu bagi memenuhi keperluan perniagaan dalaman atau keperluan luaran. Rekod boleh dalam pelbagai bentuk, termasuk e-mel, fail elektronik atau dokumen kertas.

Pemegang saham kita, rakan perniagaan, pengawal selia, mereka yang menyediakan pembiayaan dan orang awam menggunakan Maklumat Syarikat, termasuk laporan kewangan, untuk mendapatkan gambaran yang adil dan tepat tentang perniagaan kita. Pihak-pihak berkepentingan ini bergantung harap pada maklumat yang tepat dan mudah difahami untuk memahami hasil kewangan dan arah perniagaan kita. PMI komited untuk merekodkan, memproses dan menganalisis Maklumat Syarikat, termasuk maklumat kewangan, dengan tepat dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang berkenaan.

Kami menggunakan Klasifikasi Kerahsiaan untuk membantu kami menguruskan Maklumat Syarikat dengan bertanggungjawab yang membolehkan PMI memenuhi keperluan perniagaan dan undang-undang, menggalakkan kecekapan operasi dan membantu mencegah pendedahan maklumat yang tidak dibenarkan. Selaras dengan itu, PMI mempunyai [Jadual Pengekalan](#) yang wajib bagi sesetengah Rekod Syarikat. Pekerja diharapkan supaya dapat mengekalkan dan melupuskan dokumen dengan sewajarnya, dengan syarat tiada Notis Pegangan Sah yang terpakai sedang berkuasa. Lihat [Dasar Global PMI tentang Mengurus Maklumat Syarikat](#) untuk maklumat lanjut.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



### Sentiasa ingat



#### Kekalkan Rekod Syarikat selaras dengan Jadual

**Pengekalan yang betul.** Kita mestilah melupuskan Rekod Sementara apabila sudah tidak diperlukan untuk matlamat perniagaan, atau telah melampaui semua keperluan undang-undang dan pengawalseliaan.



**Simpan Rekod Syarikat dan Maklumat Syarikat apabila rekod itu tertakluk kepada Pegangan Sah.** Untuk maklumat lanjut sama ada Pegangan Sah terpakai kepada anda, hubungi Jabatan Pematuhan & Undang-undang.



**Semak Rekod Syarikat sekurang-kurangnya setiap tahun** untuk mengenal pasti rekod yang perlu dilupuskan pada penghujung tempoh pengekalannya, dengan syarat tiada Pegangan Sah yang terpakai sedang berkuat kuasa.



# Melindungi data peribadi

Kita bertanggungjawab melindungi data peribadi yang kita kumpul dan gunakan.



Di PMI, kita menyimpan pelbagai jenis Data Peribadi yang berbeza. Data Peribadi ialah apa-apa data yang boleh mengenal pasti seseorang secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuklah maklumat tentang pelanggan kita, pekerja, pembekal dan pihak ketiga.

Undang-undang di seluruh dunia mengawasi cara kita mengumpul, memproses, menyimpan dan melupuskan Data Peribadi supaya kita melindungi hak-hak individu. Di PMI, mengumpul dan memproses data secara telus dan memastikan keselamatan Data Peribadi adalah penting bagi kita untuk mengekalkan hubungan dan reputasi kita. Kita bertindak dengan berintegriti apabila kita memproses Data Peribadi.

## Sentiasa ingat



**Patuhi undang-undang Privasi dan Dasar kita.** Sentiasa proses Data Peribadi dengan mematuhi undang-undang yang berkenaan dan selaras dengan amalan baik privasi data serta [Dasar Privasi Global](#) kita.



**Hormati orang di sebalik data itu.** Apabila mengumpul Data Peribadi, lakukan dengan penuh hormat, iaitu dengan mengumpulkan hanya sebanyak mana Data Peribadi yang diperlukan, telus tentang penggunaannya, memproses Data Peribadi secara sah dan selamat, dan melupuskannya apabila sudah tidak diperlukan.



**Pastikan pihak ketiga menguruskan data dengan sewajarnya.** Kadangkala pihak ketiga perlu mengakses Data Peribadi yang kita kumpul. Sentiasa pastikan bahawa mereka melindungi maklumat tersebut dan menggunakan dengan berintegriti.



**Laporkan segera apa-apa pelanggaran keselamatan Data Peribadi yang berkemungkinan berlaku,** sama ada di PMI atau di tempat pihak ketiga yang bekerja dengan PMI, kepada Jabatan Keselamatan Maklumat di [soc@pmi.com](mailto:soc@pmi.com).

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

# Melindungi aset kewangan kita

Kita melindungi aset kewangan kita supaya kita boleh melaksanakan visi masa depan yang bebas asap rokok.



Aset kewangan kita amat penting kepada kerja kita di PMI. Aset ini membayai usaha kita menjalankan penyelidikan saintifik dan mencipta produk baharu. Kita melindungi aset kewangan kita supaya kita boleh terus beroperasi dan membangun.

PMI mempunyai kawalan dalaman yang tersedia untuk melindungi aset kewangan kita. Pengawalan kita membantu kita mencegah dan mengesan penipuan, menyimpan rekod perakaunan yang tepat, dan mematuhi undang-undang yang berkenaan.

Kita berhati-hati dalam menggunakan dana PMI, menggunakananya selaras dengan Dasar kita dan hanya untuk tujuan perniagaan yang sah.

## Sentiasa ingat



Berniat menyalahgambarkan fakta, memalsukan rekod atau menggelapkan aset syarikat, semua itu adalah contoh penipuan.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

# Melindungi aset maklumat kita

Kita memperoleh pencapaian yang hebat dengan membangunkan, menggunakan dan melindungi aset maklumat kita.



Melindungi maklumat kita di PMI adalah penting. Dalam peranan kita, kita membangunkan dan menggunakan pelbagai aset maklumat. Contohnya, kita mungkin menyimpan maklumat dalam fail, stesen kerja, telefon bimbit dan pelayan, yang termasuk Maklumat Sulit, Hak Harta Intelek (IP) dan/atau data pihak ketiga. Maklumat ini adalah berharga, dan boleh merosakkan reputasi kita, memperlambangkan kemajuan kita atau memberi syarikat lain kelebihan persaingan jika didedahkan secara tidak betul.

Kita berhati-hati apabila mengumpul, menyimpan, memproses atau mengedarkan data menggunakan komputer dan sistem maklumat kita. Komputer dan sistem kita, serta aset maklumat di dalamnya, boleh terjejas jika kita tidak mengambil langkah untuk melindunginya. Kita memahami dan menggunakan pakai keperluan pengelasan data bagi data sensitif, dan kita memastikan Maklumat Sulit atau Hak Harta Intelek kita mempunyai perlindungan secukupnya sebelum kita mengongskikannya. Di PMI, kita hanya berkongsi maklumat atas dasar perlu tahu.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



## Sentiasa ingat

Kita menghormati kerahsiaan dan hak harta intelek orang lain. Kita tidak sekali-kali mencuri rahsia orang lain atau harta benda mereka—sama ada harta intelek atau sebaliknya. Hal ini terpakai kepada perkara-perkara besar, seperti proses rahsia syarikat lain, dan juga perkara-perkara kecil, seperti imej berhak cipta di Internet.

Anda bertanggungjawab untuk mengetahui maklumat yang mana dalam kawalan anda adalah **Maklumat Sulit**. Contoh Maklumat Sulit termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perkara yang berikut:

- ✓ Spesifikasi untuk produk dan teknologi baru atau semasa;
- ✓ Belanjawan dan Maklumat Kewangan Bukan Awam yang lain;
- ✓ Strategi pemasaran dan Bahan Jenama Sulit yang lain;
- ✓ Data dan rekod Kakitangan;
- ✓ Data dan penemuan berkaitan yang dikenalpasti semasa Penyelidikan Pasaran;
- ✓ Data penyelidikan dan teknikal;
- ✓ Pelan pelaburan;
- ✓ Rahsia Dagangan; dan
- ✓ Maklumat Sensitif Persaingan.



## Apa yang perlu saya lakukan?

S

Saya telah menerima e-mel daripada seseorang yang mendakwa mereka adalah sebahagian daripada pasukan pemasaran PMI. Mereka meminta saya memberikan akses kepada satu fail yang mengandungi spesifikasi produk yang sulit. Saya, pada kebiasaanya, tidak bekerja dengan pasukan pemasaran, dan permintaan ini kelihatan aneh. Tetapi jika permintaan itu daripada seseorang di PMI, saya pasti ini tidak menimbulkan sebarang masalah. Betulkah?

J

Salah. Jangan kongsi maklumat dengan sesiapa sahaja di dalam atau di luar Syarikat yang tidak mempunyai “keperluan untuk tahu.” Pertama sekali, anda mestи mengesahkan bahawa individu ini adalah pekerja PMI dan sekiranya benar, periksa dengan penyelia anda untuk memastikan maklumat ini boleh dikongsi dengan individu tersebut. Ingatlah bahawa menyamar sebagai pekerja PMI adalah helah yang penjenayah boleh gunakan untuk mencuri maklumat kita.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Memastikan keselamatan aset fizikal dan elektronik kita

Melindungi aset fizikal dan elektronik kita adalah penting untuk menjalankan operasi kita dari hari ke hari.



Kita menggunakan komputer dan sistem maklumat PMI, seperti stesen kerja komputer meja/komputer riba, peranti rangkaian, perkakas, peranti tablet, telefon mudah alih dan peranti yang bersambung dengan Internet setiap hari untuk mencipta atau menyelenggara Maklumat Syarikat. Aset elektronik kita juga sama pentingnya kepada operasi kita seperti mana aset fizikal kita. Aset ini merupakan teras bagi kerja kita dan amat penting kepada kejayaan perniagaan kita.

Setiap daripada kita bertanggungjawab melindungi aset fizikal dan elektronik kita. Hal ini melibatkan pematuhan terhadap dasar dan prosedur yang telah tersedia bagi keselamatan. Tetapi hal ini juga bergantung pada pertimbangan yang baik. Kita menggunakan akal untuk menjaga dan menyelenggara peralatan dan sistem kita dengan bertanggungjawab, dan kita tidak sekali-kali membiarkan orang yang tidak dibenarkan menggunakanannya. Penyalahgunaan aset Syarikat tidak boleh diterima di PMI.

## Sentiasa ingat



Penyalahgunaan aset fizikal atau elektronik yang disyaki mestilah dilaporkan segera kepada [Jabatan Pematuhan & Etika](#).

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



### Apa yang perlu saya lakukan?

S

J

Saya akan bercuti panjang selama beberapa bulan. Bolehkah saya berikan butiran log masuk PMI saya kepada rakan sekerja saya sekiranya mereka perlu menyemak sesuatu dalam komputer riba saya?

Tidak. Atas sebab keselamatan, adalah penting bagi anda tidak berkongsi kata laluan dan butiran log masuk dengan orang lain. Sebelum pergi bercuti, pastikan semua dokumen penting yang pasukan anda mungkin perlukan telah diberikan atau disimpan dalam folder yang dikongsi yang hanya boleh diakses oleh mereka yang "perlu tahu" sahaja.

S

J

Anak saya perlukan komputer riba saya untuk membuat tugasannya. Bolehkah saya benarkan dia menggunakan komputer riba PMI saya apabila komputer riba peribadi saya tidak dapat digunakan?

Komputer riba PMI anda hanya boleh digunakan untuk menjalankan urusan untuk dan bagi pihak PMI. Hal ini bagi memastikan bahawa maklumat sulit yang boleh diakses dalam rangkaian PMI terlindung dan selamat. Anda seorang sahaja yang dibenarkan menggunakan komputer riba PMI anda—keluarga dan rakan-rakan anda tidak dibenarkan menggunakanannya.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Mencegah perdagangan orang dalam

Kita menjalankan perniagaan dengan jujur dan adil dengan mencegah perdagangan orang dalam.



Dalam menjalankan tugas kita, kita mungkin mempunyai akses kepada Maklumat Material Bukan Umum iaitu maklumat yang mungkin dipertimbangkan oleh seorang pelabur apabila memutuskan sama ada hendak membeli, menjual atau menyimpan suatu sekuriti. Sebarang maklumat yang boleh dijangka akan menjelaskan harga saham syarikat, sama ada positif atau negatif, mestilah dianggap material.

Individu yang mempunyai akses kepada Maklumat Material Bukan Umum mesti mengambil langkah berjaga-jaga khusus untuk mengekalkan tahap sulitnya, termasuk menyimpannya di lokasi yang selamat. Mereka hanya boleh mendedahkan maklumat sedemikian kepada pekerja lain dan pihak luar yang perlu tahu tentangnya demi melaksanakan tugas mereka dan yang juga dikehendaki menyimpan maklumat tersebut secara sulit.

Perdagangan orang dalam berlaku apabila seseorang mendagangkan sekuriti berdasarkan Maklumat Material Bukan Umum atau menyalurkan maklumat itu kepada orang lain yang berdagang berdasarkan maklumat tersebut (juga dikenali sebagai “pemberian tip”). Perdagangan orang dalam adalah melanggar undang-undang—kita tidak sekali-kali membeli atau menjual sekuriti apabila kita mengetahui maklumat material bukan umum tentang PMI atau apabila kita mendapat Maklumat Material Bukan Umum tentang sebuah syarikat yang berurus niaga dengan PMI.

Selain itu, Individu yang Ditetapkan, seperti yang ditakrifkan lebih lanjut dalam [Dasar Perdagangan Orang Dalam Global PMI](#), mesti mendapatkan kelulusan daripada Setiausaha Korporat PMI sebelum melakukan transaksi dalam sekuriti PMI pada bila-bila masa. Selain itu, individu ini dilarang daripada menjalankan transaksi yang melibatkan sekuriti PMI sewaktu Tempoh Larangan (Blackout Period).

Apa-apa pendedahan umum terhadap Maklumat Material Bukan Umum PMI hanya boleh dibuat oleh jurucakap PMI yang diberi kuasa dan yang mematuhi keperluan undang-undang yang berkenaan.

## Sentiasa ingat



Apabila melibatkan dagangan sekuriti PMI, adalah penting untuk kita sentiasa sangat berhati-hati—jika anda tidak pasti sama ada maklumat dalam simpanan anda adalah material atau tersedia kepada pihak umum, hubungi kumpulan Setiausaha Korporat PMI di Jabatan Pematuhan & Undang-undang.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Berkomunikasi tentang dan bagi pihak PMI

Kita berkomunikasi secara jujur, adil dan penuh hormat.



Suara PMI adalah gabungan suara setiap seorang daripada kita. Komunikasi kita mestilah benar, tepat dan tidak mengelirukan. Hal ini terpakai pada komunikasi dalaman, luaran, formal dan tidak formal, serta siaran dalam media sosial.

Kita mestilah sentiasa menggunakan pertimbangan yang bijak apabila berkomunikasi bagi pihak PMI, dan kita mestilah lebih berhati-hati apabila berkomunikasi tentang maklumat kewangan. Hanya beberapa pekerja PMI dibenarkan membuat kenyataan kepada pihak media, pelabur, Pegawai Kerajaan dan badan saintifik bagi pihak Syarikat. Jangan buat kenyataan umum atau memberikan maklum balas kepada pertanyaan bagi pihak PMI tanpa mendapat kebenaran dan kelulusan yang wajar.

Apabila menggunakan Media Sosial untuk tugas, kita mestilah menggunakan dengan bertanggungjawab, dan kita mesti mengasingkan dengan jelas penggunaan Media Sosial untuk tujuan peribadi daripada penggunaan profesional. Pekerja PMI tidak boleh menggunakan alamat e-mel kerja atau butiran hubungan kerja mereka untuk kegunaan peribadi di Media Sosial.

PMI turut serta dalam dialog dasar umum dan bersikap jujur tentang peranan kita dalam menyumbang kepada keputusan dasar yang penting kepada Syarikat, dan dalam menyokong organisasi yang melakukan perkara yang sama. Perkara ini termasuklah hasil penyelidikan atau kajian yang telah kita biayai, begitu juga apabila pihak ketiga membentangkan data atau pandangan bagi pihak kita dan/atau atas tajaan kita, untuk memaklumkan keputusan dasar. Pekerja PMI yang menyampaikan bahan, memohon komunikasi, dan/atau memberikan tugas atau membiayai kajian bertanggungjawab memastikan sokongan kewangan Syarikat dimaklumkan dengan cara yang betul.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Dasar Global PMI tentang Komunikasi Luaran & Kenyataan Luaran](#) dan [Dasar Global PMI tentang Menyedia Maklumat Kewangan kepada Pihak Ketiga](#).

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita**

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

### **Sentiasa ingat**



#### **Pertanyaan terus kepada pasukan yang berkenaan.**

Jika kita menerima permintaan daripada wartawan atau media, kita mesti mengajukan permintaan itu kepada Pasukan Komunikasi Global. Jika kita menerima soalan daripada pemegang saham atau pelabur, kita mesti mengajukan soalan itu kepada pasukan Hubungan Pelabur. Pakar bidang subjek kita merupakan orang yang paling sesuai untuk memberikan Kedudukan Syarikat dan mengurangkan risiko pendedahan maklumat sulit yang tidak disengajakan.



#### **Menghormati pengawal selia dan Pegawai Kerajaan.**

Jika seorang Pegawai Kerajaan atau agensi/badan pengawalseliaan menghubungi kita, kita sentiasa melayannya dengan hormat, adil dan jujur. Kita melibatkan Jabatan Pematuhan & Undang-undang serta-merta.



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

## Cara kita melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita:



### Menyelenggara buku dan rekod yang tepat

Kita merekodkan dan melaporkan semua maklumat perniagaan dengan tepat dan lengkap. Kita mengekalkan rekod mengikut Jadual Pengekalan dan apa-apa Pegangan Sah.



### Melaporkan penyalahgunaan aset kewangan

Kita melaporkan dengan segera penyalahgunaan dana yang disyaki kepada jabatan yang sesuai.



### Mematuhi undang-undang Privasi

Kita memproses Data Peribadi dengan mematuhi undang-undang yang berkenaan dan berdasarkan amalan baik privasi data serta Dasar global.



### Melindungi kerahsiaan dan integriti Maklumat Syarikat

Kita mengikuti amalan standard perlindungan maklumat untuk memelihara kerahsiaan dan integriti data sensitif kita.



### Jangan sekali-kali terlibat dalam perdagangan orang dalam

Kita tidak sekali-kali membeli atau menjual sekuriti apabila kita mengetahui maklumat material bukan umum tentang PMI atau apabila kita mendapat maklumat material bukan umum tentang sebuah syarikat yang berurus niaga dengan PMI.



### Jujur dalam semua komunikasi kita

Semua komunikasi kita dibuat dengan tepat, benar dan tidak mengelirukan. Kita tidak boleh membuat dakwaan kesihatan berkaitan produk secara tersirat dan/atau secara eksplisit tanpa bukti saintifik, walaupun kepada keluarga dan rakan-rakan.



### Tampil bersuara

Apabila kita nampak perkara yang salah—walaupun berkemungkinan salah—kita tampil bersuara dan bertindak.

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

# Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita





# Menumpukan pada kelestarian

Kita berusaha menerapkan kelestarian dalam semua perkara yang kita lakukan.



Bagi PMI, kelestarian adalah penting bagi inovasi kerana kami melihat perkara ini sebagai sebahagian penting kejayaan komersial kita, pertumbuhan syarikat, dan penghasilan nilai jangka panjang yang berpandukan matlamat dan impak. Kita bekerja keras untuk menyepadukan kelestarian dalam setiap aspek perniagaan dan aktiviti kita.

Pendekatan PMI terhadap kelestarian tertumpu pada keutamaan Alam Sekitar, Sosial dan Urus Tadbir kita melalui strategi dan matlamat yang didorong oleh impak, sebahagian daripadanya digariskan dalam [Hala Tuju PMI 2025](#). Untuk menyemak kemajuan kita ke arah mencapai matlamat kelestarian kita, pada 2021, kami telah membangunkan Indeks Kelestarian PMI, iaitu satu set penunjuk prestasi utama yang ditakrifkan dengan jelas dan boleh diukur, yang diperihalkan dengan lebih terperinci dalam [Laporan Bersepadu PMI](#) dan dalam Protokol KPI ESG kita yang pertama.

Untuk maklumat lanjut tentang program dan aktiviti kelestarian PMI, sila lawati: <https://www.pmi.com/sustainability>.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita**

Sumber

# Melindungi alam sekitar kita

Kita menerajui jalan ke arah mencapai masa depan yang lebih baik dan lebih lestari melalui penglibatan aktif pengurangan impak produk, operasi dan rantaian nilai kita terhadap alam sekitar.



Kita menangani perubahan iklim dan memelihara ekosistem semula jadi di sepanjang rantaian nilai kita, di samping mengurangkan impak negatif produk kita dengan mereka bentuk produk yang menggunakan bahan secara bertanggungjawab serta menambah baik kitaran dan dengan menguruskan pengakhiran hayat produk kita.

PMI sentiasa menambah baik aktiviti perniagaan untuk mencapai standard tertinggi kelestarian alam sekitar, terutamanya dalam bidang perlindungan iklim, antiselerakan, reka bentuk ekologi, air, sisa buangan dan biodiversiti. Untuk maklumat lanjut tentang komitmen khusus kita dalam bidang ini, lihat [Dasar Alam Sekitar PMI](#).

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

**Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita**

Sumber



# Memberi kembali dalam komuniti kita

Kita amat prihatin terhadap komuniti di tempat kita beroperasi dan bekerjasama dengan mereka untuk membantu menangani cabaran sosial dan alam sekitar.



Kita memberi impak kepada komuniti di tempat kita beroperasi secara positif dengan berusaha menangani impak alam sekitar dan sosial yang terhasil di sepanjang rantai nilai kita.

Derma amal dan pelaburan dalam komuniti kami tertumpu kepada perlaksanaan penambahbaikan kepada kualiti hidup dalam komuniti setempat. Kita juga menyumbang kepada kesediaan bencana dan usaha bantuan.

PMI memperkasakan pekerja dalam bidang kesukarelawan dengan organisasi dan komuniti amal yang diperakui dengan memperuntukkan sehingga lima hari setiap tahun kalender untuk aktiviti kesukarelawan.

## Apa yang perlu saya lakukan?

S  
J

Ada beberapa unit peralatan komputer di pejabat saya yang sudah tidak digunakan dan saya ingin mendermakkannya kepada sekolah dalam komuniti setempat saya. Bolehkah saya berbuat demikian?

Untuk memastikan semua sumbangan sosial dibuat secara telus dan bertanggungjawab, anda mestи menyemak dan mematuhi [Dasar Sumbangan Sosial](#) kita sebelum memberikan sebarang derma.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Menyertai proses politik secara bertanggung-jawab

Kita membuat perubahan positif dalam hidup kita dan komuniti kita apabila kita menyertai proses politik secara bertanggungjawab.



Kita percaya bahawa proses politik yang adil dan terbuka akan memberi kesan penambahbaikan kepada masyarakat kita. Di PMI, kita terlibat dalam proses politik sebagai warga korporat, dan di mana-mana sahaja kita menjalankan perniagaan, kita mematuhi semua undang-undang tempatan berhubung pembiayaan kempen, pilihan raya dan pelobian.

Walaupun kita menyokong hak setiap orang untuk mengekspresikan kepercayaan mereka dan menyertai proses politik, pekerja PMI tidak boleh menggunakan waktu bekerja atau sumber PMI untuk aktiviti politik peribadi.

## Apa yang perlu saya lakukan?

S  
J

Saya sedang membantu rakan baik saya bertanding dalam pilihan raya tempatan. Saya rasa lebih ramai orang akan mengundinya jika saya membuat pengumuman menggunakan akaun media sosial PMI. Bolehkah?

Anda bebas menyertai aktiviti politik peribadi yang sah dan dibenarkan. Walau bagaimanapun, anda mestilah dengan jelas mengasingkan pandangan anda daripada pandangan Syarikat dan memastikan aktiviti anda tidak memberi gambaran buruk terhadap PMI. Menggunakan akaun media sosial PMI untuk mempromosikan rakan anda akan mengelirukan orang ramai dan boleh menjaskan reputasi kita.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

# Cara kita melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita:



## Pelaksanaan dalam kelestarian

Kita fokus pada usaha menyepadukan kelestarian di PMI dengan melaksanakan matlamat kelestarian kita yang digariskan dalam [Hala Tuju PMI 2025](#).



## Lindungi alam sekitar kita

Kita mengambil tindakan untuk melindungi alam sekitar dan memahami bahawa setiap tindakan kita membantu dalam mencapai sasaran alam sekitar kita dan menerajui jalan ke arah masa depan yang lebih baik.



## Umumkan sumbangan kita secara telus

Kita sentiasa mematuhi [Dasar Sumbangan Sosial](#). Kita telus tentang sumbangan yang kita buat, memastikan buku dan rekod kita menggambarkan dengan tepat sumbangan kita dan mendedahkannya kepada pihak umum setiap tahun.



## Sertai dalam proses politik secara bertanggungjawab

Kita menjalankan aktiviti politik menurut masa kita sendiri dan menggunakan perbelanjaan sendiri, dan menjelaskan bahawa apa-apa pandangan yang dikemukakan adalah pandangan kita sendiri. Kita memaklumkan kepada penyelia kita dan [mendedahkan kemungkinan konflik kepentingan ini](#) untuk dilakukan semakan semula Pematuhan sebelum bertanding dalam pilihan raya. Jika kita perlu membuat sumbangan politik atau perbelanjaan bagi pihak PMI, kita mesti mendapatkan kelulusan terlebih dahulu. Kita mematuhi peraturan berhubung pendedahan umum berkaitan dengan aktiviti pelobian. Kita menghubungi Pegawai Kerajaan hanya jika dibenarkan berbuat demikian.



## Tampil bersuara

Apabila kita nampak perkara yang salah—walaupun berkemungkinan salah—kita [tampil bersuara](#) dan bertindak.

Sumber



Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber

# Sumber





Di PMI, kita adalah sebahagian daripada pasukan yang sama yang berganding bahu untuk membentuk masa depan yang bebas asap rokok *dengan berintegriti*. Ada banyak sumber yang boleh kita hubungi untuk bertanyakan soalan, mengemukakan kebimbangan, atau melaporkan kejadian salah laku yang dilihat atau disyaki, termasuk ketidakpatuhan terhadap Tatakelakuan PMI atau mana-mana Dasar PMI. Hubungi mana-mana yang berikut:

- Penyelia, ketua jabatan atau sekutu atau kepimpinan fungsi anda;
- Hubungan utama pasukan [Etika & Pematuhan PMI anda](#);
- Alamat e-mel sulit pasukan Etika & Pematuhan PMI [PMIEthicsandCompliance@pmi.com](mailto:PMIEthicsandCompliance@pmi.com); atau
- Talian Bantuan Pematuhan PMI, iaitu saluran pelaporan yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang tersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, dalam semua bahasa yang ditutur di PMI. Anda boleh menghubungi Talian Bantuan dalam talian di [www.compliance-speakup.pmi.com](http://www.compliance-speakup.pmi.com) atau melalui telefon di +1 303-623-0588. Anda boleh menggunakan Talian Bantuan Pematuhan PMI tanpa nama, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan.

PMI tidak bertolak ansur dengan tindakan balasan terhadap pekerja yang tampil bersuara dengan niat baik tentang suatu pelanggaran pematuhan yang disyaki atau bekerjasama dengan suatu penyiasatan.

Lihat [Dasar Tampil Bersuara Global PMI \(PMI-16C\)](#) untuk maklumat lanjut.

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



# Untuk maklumat lanjut

[Portal Kelulusan Pematuhan](#)

[Tataamalan Buruh Pertanian \(ALP\) PMI](#)

[Komitmen PMI terhadap Hak Asasi Manusia](#)

[Piawai Penilaian Wajar dan Pengantara Perniagaan PMI](#)

[Standard Caruman PMI](#)

[Standard Pekerjaan dan Yuran-untuk-Perkhidmatan PMI](#)

[Komitmen Alam Sekitar PMI](#)

[Standard Hadiah, Perjalanan dan Hospitaliti PMI](#)

[Dasar Global Pengendalian Pembayaran PMI \(PMI 11-C\)](#)

[Dasar Pencegahan Rasuah Global PMI \(PMI 14-C\)](#)

[Laman Intranet Pencegahan Rasuah Global PMI](#)

[Dasar Persaingan Global PMI \(PMI 5-C\)](#)

[Dasar Konflik Kepentingan Global PMI \(PMI 13-C\)](#)

[Dasar Alam Sekitar, Kesihatan, Keselamatan dan Perlindungan Global PMI \(PMI 8-C\)](#)

[Komunikasi Luaran Global PMI dan Penglibatan \(PMI 31-C\)](#)

[Panduan Global PMI tentang Mengurus Maklumat Syarikat \(PMI 1-CG1\)](#)

[Dasar Perdagangan Orang Dalam Global PMI \(PMI 17-C\)](#)

[Dasar Hak Harta Intelek Global PMI \(PMI 6-C\)](#)

[Dasar Kenali Pelanggan Anda dan Antilencongan \(PMI 10-C\)](#)

[Dasar Global Sekatan dan Pematuhan Perdagangan PMI \(PMI 9-C\)](#)

[Dasar Mengurus Maklumat Syarikat Global PMI \(PMI 1-C\)](#)

[Kod Global Pemasaran PMI: Rekaan, Pemasaran & Penjualan Produk Bebas Asap Rokok \(PMI 04A-C\)](#)

[Tata Pemasaran Global PMI: Reka Bentuk, Pemasaran & Penjualan Alternatif Bukan Boleh Bakar \(PMI 04A-C\)](#)

[Dasar Tanpa Diskriminasi dan Antigangguan Global PMI \(PMI 43-C\)](#)

[Dasar Perlindungan Data Peribadi Global PMI \(PMI 3-C\)](#)

[Dasar Global PMI mengenai Peraturan, Pembangunan dan Pengilangan Produk PMI \(PMI 7-C\)](#)

[Dasar Kualiti Global PMI \(PMI 30-C\)](#)

[Dasar Sumbangan Sosial Global PMI \(PMI 12-C\)](#)

[Garis Panduan Media Sosial Global PMI \(PMI 18-CG2\)](#)

[Dasar Penukaran Global PMI \(PMI 15-C\)](#)

[Dasar Global Keselamatan Maklumat PMI \(PMI 18-C\)](#)

[Integriti Tempat Kerja Global PMI Dasar \(PMI 2-C\)](#)

[Amalan Pertanian Baik \(GAP\) PMI](#)

[Amalan Penukaran Baik PMI untuk IQOS](#)

[Pelan Peralihan Rendah Karbon PMI](#)

[Standard Usaha Wajar Pematuhan M&A PMI](#)

[Prinsip Penyumberan Bertanggungjawab \(RSP\) PMI](#)

[Hab Keselamatan & Keselamatan Pasaran PMI](#)

[PMIScience.com](#)

Budaya dan prinsip etika kita

Bertanggungjawab atas Tatakelakuan kita

Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di tempat kerja kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti di pasaran kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi pemegang saham kita

Melaksanakan tugas dengan berintegriti demi komuniti kita

Sumber



PHILIP MORRIS  
INTERNATIONAL



Versi: 2025